

Rombakan perkara Parlimen Belia

➔ Pastikan perwakilan berupaya bawa suara anak muda

Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof
cnews@nstp.com.my

■ Petaling Jaya

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedang melakukan kajian menyeluruh terhadap struktur dan organisasi Parlimen Belia Malaysia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong, berkata ia perlu bagi memastikan perwakilan yang terpilih benar-benar berupaya membawa suara orang muda, bukannya sekadar Parlimen olok-olok.

Katanya, penstrukturan semula adalah perlu untuk memberi latihan kepada perwakilan untuk berupaya menjawab dengan baik seperti di Dewan Rakyat.

"Kita mahu ia menjadi landasan anak muda menyumbang idea dan pandangan, di mana ia akan

diambil kira untuk membentuk hala tuju negara kita," katanya pada sidang akhbar selepas menyertai program bual bicara terbitan TV3, *Borak Kopitiam* di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Abdul Rahman, berkata Parlimen Belia akan diteruskan selepas kerajaan menerima laporan penuh audit Kementerian itu dan kumpulan pensyarah UKM yang dilantik bagi mengaudit pelaksanaan program itu dalam usaha penambahbaikan.

Chee Keong berkata, Kementerian memandang serius pandangan anak muda kerana mereka pewaris negara.

Konsep usia remaja

Katanya, konsep usia remaja pada abad ke-20 tidak sama dengan abad ke-21, yang memiliki pendedahan ilmu dan kemahiran yang cukup luas berbanding zaman beliau dahulu.

"Saya memperoleh komputer pada usia 20-an, sedangkan remaja hari ini mereka memilikinya menerusi telefon pintar," katanya.

Pada program berkenaan, Steven Sim turut mengambil peluang mendeklamsi sajak daripada buku kompilasi puisi beliau, bertajuk *Dalam Salju Ada Bunga*.

"Saya menulis puisi sebagai landasan meluahkan

perasaan suka dan duka dalam arena politik negara. Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu menjadi pencetus kepada penghasilan puisi ini kerana ia adalah titik sejarah begitu penting kepada negara kita.

"Pada pandangan saya, kita harus mentadbir secara puitis dan ada kelembutan kerana itu adalah budaya kita, bebas daripada politik sebelum ini yang penuh dengan unsur kebencian, toksik dan perkauman.

"Saya rasa sudah sampai masanya kita suntik kehalusan dalam politik negara," katanya yang memberitahu buku terbitan DAP itu cukup memperjelaskan bahawa DAP bukan anti bahasa Melayu.

Buku menghimpunkan 10 puisi berbahasa Melayu yang ditulis sejak 2003 itu dirasmikan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusof, di Parlimen pada Ogos lalu.

Beliau turut berkongsi mengenai pengalamannya menghasilkan aplikasi 'Better Penang' ketika menjadi Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan pada 2012 di Pulau Pinang.

Katanya, aplikasi kendalian badan bukan kerajaan, Better Penang memudahkan rakyat menyampaikan aduan kepada pihak berkuasa tempatan disifatkan sebagai saluran terbaik dan mudah selesaikan masalah.